



**DR. 11 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN
AMANAH RAYA BERHAD
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN
BERHUBUNG**

AMANAH RAYA BERHAD



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- | | | |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| 1. | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] | <i>- Pengerusi</i> |
| 2. | YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti
Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] | <i>- Naib Pengerusi</i> |
| 3. | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] | |
| 4. | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] | |
| 5. | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] | |
| 6. | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] | |
| 7. | YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] | |
| 8. | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut] | |
| 9. | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] | |
| 10. | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] | |
| 11. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] | |
| 12. | YB. Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] | |
| 13. | YB. Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] | |
| 14. | YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] | |
| 15. | YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin | <i>- Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)
7. Unit Perancang Ekonomi (EPU)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN
AMANAH RAYA BERHAD
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG AMANAH RAYA BERHAD	1 - 4
2	TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN AMANAH RAYA BERHAD BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG AMANAH RAYA BERHAD (DR. 4/2021)	5 - 10
3	LAPORAN PROSIDING	-

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG AMANAH RAYA BERHAD**



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN AMANAH RAYA BERHAD BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG

AMANAH RAYA BERHAD

1 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada 12 Oktober 2021, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen membentangkan Laporan PAC Parlimen (DR.4/2021) berhubung Amanah Raya Berhad (ARB) di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)/Amanah Raya Berhad (ARB) di Dewan Rakyat.
- 1.2 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan empat (4) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF/ARB iaitu:
 - 1.2.1 Polisi-polisi yang tersenarai dalam *MKD Handbook* wajib dipatuhi oleh ARB. Kesemua pindaan polisi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Arahan Syarikat ARB hendaklah diputuskan oleh Lembaga Pengarah dengan segera;

- 1.2.2 ARB perlu mempunyai suatu polisi pelaburan yang lengkap demi memaksimumkan impak pelaburan selaras dengan objektif penubuhnya. Jawatankuasa Pelaburan perlu dibantu oleh barisan pakar pelaburan dan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah selari dengan kepentingan organisasi;
 - 1.2.3 ARB hendaklah melaksanakan audit ke atas kerugian terkumpul KWB khususnya dalam pelaburan projek pembangunan 56 unit Keppel Bay Properties di Singapura; dan
 - 1.2.4 Agihan pendapatan kepada pemegang dana hendaklah mematuhi Seksyen 27 Akta 532 dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah.
- 1.3 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b), tindakan susulan perlu diambil MOF/ARB selepas Laporan PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
 - 1.4 Pada 24 Disember 2021, MOF telah mengemukakan kepada PAC Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis. Pada 10 Jun 2022, Laporan Tindakan Susulan Secara Bertulis oleh MOF terhadap Syor-Syor Laporan PAC berhubung Amanah Raya Berhad (ARB) telah dikemukakan.
 - 1.5 Sehubungan dengan itu, melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 (1) (c) dan 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Arahan Perbendaharaan 304(b) dan Seksyen III (11) (b) Pekeliling Am 1982, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOF/ARB ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Laporan berhubung ARB di hadapan PAC Parlimen pada 13 Jun 2022.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DAN
AMANAH RAYA BERHAD
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG AMANAH RAYA BERHAD*

- 1.6 Ahli PAC YB Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor yang merupakan Pengerusi ARB dan telah mengecualikan kehadiran dan penglibatan beliau dalam prosiding yang telah dijalankan.
- 1.7 Lanjutan daripada pembentangan tersebut, pihak MOF dan ARB mengemukakan semula Laporan Tindakan Susulan yang telah dikemaskini melalui surat MOF.BKSK(R) 600-7/1/5 Jld. 6 (43) bertarikh 13 Jun 2022.
- 1.8 Kronologi Tindakan Susulan yang telah diambil Pegawai Pengawal terhadap syor-syor Laporan PAC Parlimen (DR. 4/2021) diringkaskan seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	12 Oktober 2021/ 10:00 pagi	Pembentangan Laporan PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	13 Oktober 2021	Surat PAC Parlimen rujukan PAR/PAC.3/25/15/3(1) berserta Laporan PAC Parlimen dan syor-syornya dikemukakan kepada MOF dan ARB
3.	24 Disember 2021	Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis telah dikemukakan oleh MOF dan ARB
4.	10 Jun 2022	Laporan Tindakan Susulan Secara Bertulis telah dikemukakan oleh MOF dan ARB
5.	13 Jun 2022/ 2:30 petang	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOF/ARB ke Atas Syor-syor PAC Parlimen bagi Prosiding DR. 4/2021 Saksi: i. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF): Puan Anis Rizana binti Mohd Zainuddin [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan)] ii. Amanah Raya Berhad (ARB): Puan Aini Fariza binti Haji Mohd Yusoff [Ketua Pegawai Kewangan]
6.	16 Jun 2022	Laporan Tindakan Susulan Secara Bertulis yang dipinda dan dimuktamadkan telah dikemukakan oleh MOF dan ARB

2 PENDAHULUAN

- 2.1 ARB merupakan syarikat yang diperbadankan pada 29 Mei 1995 dan merupakan syarikat Berhad menurut syer milikan penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD). Pada Julai 2020, ARB telah diletakkan di bawah MOF.
- 2.2 Antara objektif ARB adalah untuk mentadbir harta pusaka, pemegang amanah bagi individu bawah umur, orang awam dan mengurus skim unit amanah serta menguruskan dana amanah. Sehingga tahun 2020, ARB memiliki modal berbayar berjumlah RM6 juta dalam bentuk saham sebagai suntikan modal tanpa menerima geran atau pinjaman daripada kerajaan.
- 2.3 Seksyen 24 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532) membenarkan ARB selaku pemegang amanah untuk melaburkan wang ke dalam Kumpulan Wang Bersama (KWB). Dana-dana yang diterima oleh ARB hendaklah dilaburkan dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang menurut Seksyen 25 Akta 532. Pelaburan KWB diuruskan oleh AmanahRaya Investment Management Sdn. Bhd. (ARIM) dan AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd.

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN
KEWANGAN MALAYSIA DAN AMANAH
RAYA BERHAD BAGI SYOR-SYOR
LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
DR.4/2021**

3 TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

3.1 **Syor 1: Polisi-polisi yang tersenarai dalam *MKD Handbook* wajib dipatuhi oleh ARB. Kesemua pindaan polisi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Arahan Syarikat ARB hendaklah diputuskan oleh Lembaga Pengarah dengan segera.**

Maklum Balas Amanah Raya Berhad

3.1.1 Berdasarkan *MKD Handbook*, hanya tiga (3) polisi yang perlu dipatuhi oleh syarikat dan ARB telah mematuhi garis panduan *MKD Handbook* ini dengan pengadaptasian polisi-polisi seperti berikut:

- a) Polisi Dividen: Diluluskan dan dikuatkuasakan pada 26 Julai 2017;
- b) Polisi Bonus: Diluluskan dan dikuatkuasakan pada 30 Januari 2018; dan
- c) Polisi Had Kuasa: Diluluskan dan dikuatkuasakan pada 1 Mei 2021.

3.1.2 Selain itu, syarikat juga boleh menetapkan polisi-polisi yang diperlukan dari semasa ke semasa. Perkara ini telah dapat diselesaikan.

3.1.3 LKAN 2019 Siri 1 mendapat terdapat polisi-polisi ARB yang masih belum diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Status polisi-polisi tersebut adalah seperti berikut:

- a) Polisi Zakat Perniagaan: Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Januari 2022 melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ARB 14-2021 Tertangguh;

- b) Polisi Fi Perkhidmatan: Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Januari 2022 melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ARB 14-2021 Tertangguh;
- c) Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat: Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 28 Januari 2022 melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ARB 14-2021 Tertangguh;
- d) Polisi Bilik Fail, Ruang Pejabat dan Stor: Diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 18 Mac 2022 melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ARB 14-2021 Tertangguh;
- e) Polisi Perancangan Modal Insan: Diluluskan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan pada 1 Jun 2022 dan perkara ini telah diangkat ke pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Jun 2022; dan
- f) Polisi Perolehan (yang mana Polisi Pendaftaran Pembekal adalah sebahagian daripada polisi ini): Diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Integriti pada 3 Jun 2022 dan perkara ini telah diangkat ke pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Jun 2022.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah dan akan diambil oleh ARB dalam usaha meminda dan meluluskan polisi-polisi berkenaan. PAC menggesa supaya ARB mengambil langkah proaktif bagi tujuan pindaan dan penambahbaikan polisi-polisi tersebut agar pengurusan operasi ARB sentiasa mengikut tatacara dan amalan terbaik semasa.

3.2 Syor 2: ARB perlu mempunyai suatu polisi pelaburan yang lengkap demi memaksimumkan impak pelaburan selaras dengan objektif penubuhannya. Jawatankuasa Pelaburan perlu dibantu oleh barisan pakar pelaburan dan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah selari dengan kepentingan organisasi.

Maklum Balas Amanah Raya Berhad

3.2.1 ARB sedang dalam proses untuk mewujudkan Polisi Pelaburan dan buat masa ini, Jawatankuasa Pelaburan pada 7 Jun 2022 telah meluluskan untuk polisi ini diangkat ke pertimbangan Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Jun 2022.

3.2.2 Barisan pakar pelaburan yang menguruskan pelaburan ARB adalah ARIM (anak syarikat milik penuh ARB) di mana ianya merupakan sebuah syarikat pengurus dana berlesen di bawah Suruhanjaya Sekuriti.

3.2.3 ARIM telah menandatangani *Portfolio Management Agreement* (PMA) bersama ARB pada 28 September 2005 dan diluluskan melalui *Director's Circular Resolution* No. 64/2007 bertarikh 23 November 2007.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah dan akan diambil oleh ARB dalam usaha meminda dan meluluskan Polisi Pelaburan terutamanya pengenalan beberapa parameters baharu bagi memperkasakan polisi serta tatacara perolehan dan pelaburan ARB.

PAC turut mengambil maklum bahawa ARB masih di peringkat penambahbaikan daripada segi tadbir urus terutama sekali berkenaan komposisi Ahli Lembaga Pengarah ARB dan ARIM.

Sehubungan itu, ARB turut memaklumkan bahawa akan memberi sesalinan polisi berkenaan kepada pihak PAC setelah polisi tersebut dimuktamadkan dan diluluskan Mesyuarat Lembaga Pengarah.

3.3 Syor 3: ARB hendaklah melaksanakan audit ke atas kerugian terkumpul KWB khususnya dalam pelaburan projek pembangunan 56 unit Keppel Bay Properties di Singapura.

Maklum Balas Amanah Raya Berhad

3.3.1 Lembaga Pengarah ARB telah meluluskan lantikan Ernst & Young (EY) untuk melaksanakan '*Position Audit Review Exercise*' dengan skop di antaranya, menilai kedudukan kewangan dan pelaburan Kumpulan ARB dan KWB. Surat lantikan EY telah ditandatangani pada 8 Jun 2022 dengan tempoh jangkaan pelaksanaan audit selama dua (2) bulan. Perkara ini sedang dalam tindakan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh ARB. PAC turut dimaklumkan bahawa kelewatan proses ini disebabkan peletakan jawatan Pengurus Urusan Kumpulan (GMD) yang mengakibatkan pelantikan EY tidak dapat disegerakan.

Sehubungan itu, ARB perlu memberi sesalinan laporan audit berkenaan kepada pihak PAC setelah pengauditan tersebut dimuktamadkan dan selesai.

3.4 Syor 4: Agihan pendapatan kepada pemegang dana hendaklah mematuhi Seksyen 27 Akta 532 dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah.

Maklum Balas Amanah Raya Berhad

3.4.1 ARB buat masa ini masih membayar agihan pendapatan kerana:

- a) Mengelakkan pengeluaran dana secara mendadak;
- b) Mengatasi risiko reputasi; dan
- c) Menghindarkan ARB daripada menghadapi ketidakstabilan operasi dan kewangan.

3.4.2 Konsultan EY akan meneliti dan membuat kajian secara menyeluruh tentang situasi semasa ARB. Seterusnya ARB akan mengemukakan pilihan terbaik yang tersedia kepada Kerajaan.

3.4.3 Sementara itu, ARB juga mengambil inisiatif untuk mengemukakan beberapa tindakan penambahbaikan atas cadangan pendapatan seperti berikut:

- a) Keputusan agihan pendapatan sekarang ini dibincangkan di peringkat *Asset and Liability Committee* (ALCO), dibentangkan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan seterusnya diangkat untuk pertimbangan Lembaga Pengarah yang mana sebelum ini keputusan dibuat oleh Pengarah Urusan Kumpulan; dan
- b) Mewujudkan Bahagian Pelaburan di peringkat ARB bagi merancang, melaksana, memantau dan melaporkan aktiviti pelaburan kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah dengan objektif mempertingkat pulangan pelaburan.

Ulasan PAC

PAC mengambil maklum tindakan yang telah diambil oleh ARB dan berpandangan penetapan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah berkenaan pengagihan pendapatan ARB adalah penting. PAC turut mengingatkan ARB agar sentiasa mengambil langkah proaktif bagi tujuan pindaan dan penambahbaikan polisi-polisi secara keseluruhan agar ARB sentiasa ditadbir urus mengikut tatacara dan amalan terbaik semasa.

4 PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Laporan PAC Parlimen (DR. 4/2021) selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b) (Pindaan 2008).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14